



ALBUM...Para peserta yang menghadiri Bengkel Persediaan KIK di UMS.

Staf Jabatan Pembangunan UMS serta KIK

UB 1414 /2011 B4

KOTAKINABALU: Bengkel persediaan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) yang disertai kira-kira 100 staf daripada semua seksyen Jabatan Pembangunan & Penyelenggaraan Universiti Malaysia Sabah (UMS) termasuk staf Bahagian Pembangunan & Penyelenggaraan UMS, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) telah berjaya dilaksanakan selama dua hari baru-baru ini.

Bengkel dirasmikan oleh Timbalan Pendaftar, Jabatan Pembangunan & Penyelenggaraan (JPP) UMS, Haji Firdaus Abdullah itu bertujuan memberi kefahaman mendalam bagi asas falsafah dan operasi KIK/ICC dalam proses peningkatan produktiviti dan kualiti serta memahami penggunaan alat-alat QC dengan lebih sistematis.

Katanya, bengkel itu adalah sebagai langkah permulaan kepada semua kakitangan di JPP mengenalpasti langkah yang terbaik untuk memperbaiki dan mengenal



PENGHARGAAN...Timbalan Pendaftar, Haji Firdaus Abdullah menyampaikan cenderamata kepada Ahmad Nazar disaksikan oleh Penolong Pendaftar, Victor Gondipon.

pasti segala kekurangan.

Bengkel berkenaan yang diketuai Fasilitator daripada MPC Wilayah Sabah, Ahmad Nasar Johari telah memberikan pelbagai panduan penyelesaian sebarang permasalahan yang berlaku di tempat kerja dan persediaan menghadapi sebarang cabaran atau saingan untuk menjadi pekerja lebih bersemangat dan mencetuskan idea-idea yang

kreatif dan inovatif.

Di antara kaedah mengenal pasti permasalahan yang telah diperkenalkan dalam bengkel berkenaan adalah seperti kaedah secara undi, analisa dan cara sistematik. Penerimaan dan kefahaman semua peserta adalah memberangsangkan dan berharap perlu diadakan sekerap mungkin agar dapat memperdalamkan lagi kaedah KIK/ICC.



PESERTA SEKSYEN KENDERAAN...(Dari kiri) Mahshahronee Mahshim, Mohd.Razali Cama, Fredolin Aben Albin dan Jamri.